



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	3/10/2019	MUKA SURAT	: 4
JABATAN	:	PERHILTIAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		



BANGKAI gajah Pygmy Borneo yang ditemui dengan kesan tembakan. Gambar kecil, gading gajah yang ditemui disembunyikan dalam kebun buah-buahan

Tunjuk lokasi gading

Dua gading gajah ditemui disembunyikan dalam kebun

Oleh Abdul Rahemang
Taiming
bhnews@bh.com.my

Tawau

Dua gading milik gajah yang mati akibat ditembak di hulu Sungai Udin, Dumpas ditemui disembunyikan dalam kebun buah-buahan milik koperasi Felda Umas 4, kira-kira 10 kilometer dari lokasi bangkai gajah itu ditemui.

Lokasi gading gajah itu ditunjukkan sendiri oleh salah seorang daripada enam suspek yang ditahan polis dalam operasi di Felda Umas bermula tengah malam hingga tengah hari, semalam.

Polis membawa suspek untuk menunjukkan lokasi gading gajah terbabit disembunyikan dengan disertai beberapa petugas media.

Gading gajah terbabit dibalut dengan guni plastik sebelum ditanam dalam tanah berhampiran pokok pisang di kebun buah-buahan di situ.

Ketua Polis Tawau, Asisten Komisioner Peter Um-

Sagu hati kepada pemberi maklumat

Kota Kinabalu: Jabatan Hidupan Liar Sabah (JHLS) akan membayar wang sagu hati dijanjikan kepada pemberi maklumat sehingga tertangkapnya suspek pembunuh gajah yang ditemui mati di hulu Sungai Udin, Dumpas, Tawau.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Christina Liew, berkata beliau sudah mengarahkan Pengarah JHLS, Augustine Tuuga untuk menunaikan janji jabatan itu.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada pemberi maklumat yang menyediakan maklumat tepat yang membawa kepada penahanan semua suspek yang dipercayai bertanggungjawab terhadap pembunuhan gajah itu.

"Saya sudah mengarahkan pengarah JHLS untuk menunaikan janji mereka membayar sagu hati kepada pemberi maklumat terbabit," katanya dalam kenyataan, semalam.

buas berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan ada lagi suspek atau rakan subahat termasuk pembeli gading yang akan ditahan selepas ini.

"Polis menasihati pemilik senjata api jangan salah guna senjata api, termasuk menyerahkan kepada individu yang tidak mempunyai lesen. Polis tidak berkompromi atas sebarang pelakuan jenayah sama ada terhadap haiwan dan lain-lain," katanya.

Dalam operasi yang bermula jam 12.20 tengah malam semalam, polis merampas 53 kelongsong pe-

luru dan 56 peluru hidup serta tiga senjata api dipercayai digunakan suspek yang terbabit dalam kes penemuan gajah mati akibat ditembak di hulu Sungai Udin, Dumpas, dekat sini.

Peter dalam sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tawau, petang semalam berkata, enam suspek termasuk seorang warga asing berumur antara 48 hingga 68 tahun ditahan ketika serbuan di kawasan Felda Umas di sini.

Katanya, dua daripada suspek dikenal pasti pekerja dan peneroka Felda Umas yang diberi tang-

gungjawab mengawasi hidupan liar yang memasuki kawasan ladang.

"Hanya dua daripada suspek iaitu peneroka dan pekerja Felda Umas disyaki melepaskan tembakan dalam kejadian sebenar berlaku pada jam 9 pagi, 23 September lalu," katanya.

Katanya, ketika tangkapan dibuat, polis merampas selaras *pump gun* buatan Iver Johnson Single Barrel 30", senapang angin jenis Raifal buatan sendiri jenama Sharp Innova dan selaras bakakuk atau senapang patah buatan sendiri.